

12 SEP 2000

Hadi-Buku

HADI TAK TAHU BUKU HINA NABI DIKAITKAN DENGAN PAS

KUALA TERENGGANU, 12 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai penerbitan sebuah buku yang mendakwa Nabi Muhammad sebagai pemimpin parti Islam pertama, yang dikaitkan dengan Pas.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Pas ketika ditemui pemberita di lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) petang ini berkata beliau juga tidak mengenali penulis buku berkenaan.

"Saya tak tahu ... apa nama buku dan siapa penulisnya pun saya tak tahu dan saya belum membacanya ... jadi tak boleh komen," katanya.

Beliau diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai penerbitan buku "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru Mengapa Pilih Parti Islam" yang turut memuatkan amanat Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor pada kulit belakang buku itu.

Mengulas lebih lanjut mengenai perkara itu, beliau berkata sesiapa juga boleh menulis buku seumpama itu.

Ditanya adakah beliau bermaksud penerbitan buku itu adalah propaganda Umno untuk memerangkap Pas, Abdul Hadi bagaimanapun berkata beliau tidak berani membuat tuduhan sebelum melihat sendiri buku berkenaan.

"Saya kena baca dan lihat dulu ... saya tak berani dan tak boleh buat andaian sebelum membaca dan melihatnya," katanya.

Buku itu memuatkan gambar tiga pemimpin Pas pada kulit depan iaitu Abdul Hadi sendiri, Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Datuk Fadzil Noor.

--BERNAMA

AYB SBS RI